

SYARAT-SYARAT AM

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan. Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUTHARGA

- 1.1 Kontraktor yang hendak menyertai sebutharga ini hendaklah Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Pecahan Kepala **220302** untuk **Perkhidmatan Kawalan Keselamatan** dan memiliki lesen **Kementerian Dalam Negeri** dan salinan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada pihak yang berkenaan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.

2. PEMILIHAN

- 2.1 Kontraktor boleh membuat tawaran mengikut alamat pendaftaran Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia. Kontraktor yang berkelayakan akan dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Kerajaan juga berhak untuk tidak memilih tawaran tanpa memberi sebarang alasan.

3. HARGA TAWARAN

- 3.1 Harga-harga yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi kerja yang di tetapkan.
- 3.2 Harga-harga yang ditawarkan hendaklah termasuk semua kos tenaga buruh, mengangkat, penghantaran dan lain-lain yang bersangkutan dengan perkhidmatan ini.
- 3.3 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebutharga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sah laku sebutharga.
- 3.4 Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi dan mempamerkan jadual harga serta mematuhi arahan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan dari masa ke semasa sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

hendaklah dikenakan bagi perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang bernilai melebihi RM 200,000.00 mengikut peraturan yang berkuatkuasa. Bagi perolehan yang bernilai sehingga RM 200,000.00, Bon Pelaksanaan adalah dikecualikan.

5. **INSURANS**

- 5.1 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebutharga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO dalam masa empat belas (14) hari selepas penerimaan tawaran.
- 5.2 Kontraktor hendaklah mengemukakan semua polisi insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimanapun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja, Nota-nota perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

6. **PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Badan Pencegah Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.
- 6.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997.

warkan bagi semua bilangan item atau sebahagian
bilangan item.

8. **PEMERIKSAAN**

- 8.1 Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji perkhidmatan itu pada bila-bila masa ; dan
- 8.2 Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikendaki.

9. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

10. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

11. **TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

12. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

13. **MATA WANG**

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

14. **TEMPOH SAHLAKU TAWARAN**

- 14.1 Tempoh sahlaku sebut harga ini ialah sembilan puluh (90) hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

...kat mempersetujui terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan Jawatankuasa sebut harga adalah muktamad. Jabatan tidak terikat untuk melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada penyebut harga berkenaan sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

- 15.2 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian kontrak dengan Kerajaan Malaysia dan adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung dalam perjanjian tersebut.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Penyebut harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebutharga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan sebutharga tersebut tidak akan dipertimbangkan.

Peraturan-peraturan yang dinyatakan selepas ini adalah merupakan peraturan kerja rasmi. Penggunaannya adalah meliputi peraturan kerja yang wajib dilaksanakan oleh semua pengawal keselamatan.

PENENTUAN, SYARAT-SYARAT DAN SPESIFIKASI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN DI SEKOLAH RENDAH AGAMA NEGERI SELANGOR

1. PERKHIDMATAN KAWALAN YANG DIPERLUKAN

Satu (1) orang pengawal bertugas pada setiap masa yang telah ditetapkan termasuk hari cuti Sabtu dan Ahad serta hari Kelepasan Am (penerangan giliran kerja adalah seperti di bawah).

Isnin hingga Jumaat

7:00 p.m . 7:00 a.m 1 orang pengawal bertugas

Sabtu, Ahad dan Hari Kelepasan Am

7:00 p.m . 7:00 a.m 1 orang pengawal bertugas

2. PENGGUNAAN

Peraturan-peraturan kerja bagi semua pengawal keselamatan yang ditetapkan selepas ini berkuatkuasa dari tarikh sebutharga ini bermula.

3. PERATURAN KERJA

- 3.1 Semua pengawal keselamatan setiap lapisan pangkat dikehendaki menunjukkan budi pekerti yang baik, mempunyai disiplin tentang kelakuan termasuk tutur kata, pakaian dan rambut yang bersesuaian dengan tugas yang dilaksanakan. Pengawal yang tidak mempunyai disiplin akan dilarang masuk ke kawasan institusi atau dilarang sama sekali dari bekerja di kawasan institusi.
- 3.2 Pengawal keselamatan hendaklah memakai pakaian seragam yang lengkap dan bersesuaian dengan imej Jabatan.

AWAL DAN KELENGKAPAN

ti.

- 4.2 Semua pekerja yang dilantik hendaklah terdiri daripada **warganegara Malaysia** berumur antara 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 60 tahun serta **beragama Islam**. Bagi pekerja bukan warganegara, kontraktor **wajib** memastikan pekerja mempunyai permit bekerja yang sah daripada Jabatan Imigresen Malaysia.
- 4.3 Sihat tubuh badan serta deria penglihatan yang baik.
- 4.4 Tidak mempunyai rekod jenayah.
- 4.5 Beragama Islam.
- 4.6 Berpakaian seragam lengkap dengan tanda nama serta mencerminkan imej Jabatan Agama Islam Selangor.
- 4.7 Dibekalkan dengan cotar, wisel, lampu picit, baju hujan dan lain-lain yang berkaitan.
- 4.8 Setiap giliran hendaklah tidak melebihi 12 jam iaitu pengawal hendaklah bertukar sekurang-kurangnya sekali dalam 12 jam.
- 4.9 Lain-lain kelengkapan yang difikirkan perlu mengikut kesesuaian tempat bekerja.

5. TANGGUNGJAWAB

Pada keseluruhan, tanggungjawab pengawal keselamatan meliputi bidang-bidang pelaksanaan tugas seperti berikut :

- 5.1 Melindungi bangunan dan kawasan yang dipertanggungjawabkan termasuk isi kandungan, pekerja dan pelawat. Menguatkuasakan kesemua peraturan yang berkaitan bagi menjaga kepentingan satu-satu kawasan yang ditugaskan.
- 5.2 Mengawasi dan mengawal keadaan trafik kawasan meletak kenderaan iaitu kawasan meletak kenderaan institusi. Pengawal dikehendaki mengarahkan pemilik kenderaan yang menghalang lalulintas supaya mengalihkan kenderaan ke kawasan *parking* yang disediakan.
- 5.3 Menyelia dan menyelenggara peraturan di Pos Kawalan serta menolong menyelesaikan sebarang permintaan bantuan yang diperlukan oleh orang ramai atau pekerja setempat atau mengendalikan pemberian maklumat (*Information Centre*).

tan kunci yang diamanahkan bawah pengawasan dan keselamatan, tidak membuat kunci pendua serta tidak menyerahkan kunci kepada pihak ketiga. Sekiranya sebarang ketidakpatuhan ditemui samada secara sengaja atau tidak sengaja, tindakan akan diambil terhadap pihak syarikat.

- 5.5 Faham dan mahir mengenai Peraturan Umum (*General Orders*) dan Peraturan Tertentu (*Special Orders*) serta melaksanakannya.
- 5.6 Mengawasi serta menguatkuasakan apa-apa sistem yang dipakai dalam aspek pengenalan kakitangan, kenderaan, pemeriksaan semua bungkusan dan kenderaan dan menghalang setiap orang yang keluar atau masuk kawasan tanpa kebenaran.
- 5.7 Melakukan pemeriksaan mengikut tempoh waktu tertentu ke atas semua kawasan bagi memastikan keadaan keselamatan terjamin.
- 5.8 Bertindak bagi pihak pengurusan dalam hal menjaga ketenteraman dan membuat laporan sebarang kejadian yang berkaitan.
- 5.9 Memberi bantuan mula terhadap keperluan kecemasan termasuk memadam kebakaran dan kecederaan serta lain-lain tindakan yang wajar dikenakan.
- 5.10 Membunyikan penggera (*alarm*) dan bertindak mengikut tatacara yang betul jika berlaku kebakaran.
- 5.11 Menerima dan menguruskan jika terdapat sebarang benda yang dijumpai atau dilaporkan hilang dan membuat pemeriksaan terhadap benda-benda yang dimaksudkan sebelum membuat sebarang tindakan siasatan.
- 5.12 Membuat laporan lengkap kepada pihak pengurusan bagi semua keadaan dan kejadian luar biasa.
- 5.13 Pengawal yang bertugas tidak dibenarkan dalam apa jua cara sekalipun membawa apa-apa jenis senjata yang merbahaya sewaktu bertugas.
- 5.14 Syarikat bertanggungjawab ke atas kehilangan atau kemusnahan harta benda Kerajaan akibat kecuaiannya.
- 5.15 **Anggota pengawal perlu berdisiplin dan tidak boleh merokok semasa bertugas.** Anggota pengawal hendaklah berpakaian lengkap semasa bertugas.
- 5.16 Mematuhi arahan tambahan yang dikeluarkan oleh JAIS dari masa ke semasa.

jaan dilaksanakan, peraturan-peraturan dan tatacara berikut digunakan. Antara tugas yang boleh dilaksanakan dan sentiasa diawasi oleh pengawal keselamatan semasa membuat rondaan ialah:

- (a) Memastikan kawasan bangunan selamat daripada sebarang bentuk pencerobohan (*intrusion*) dengan memastikan semua pintu pagar dan pintu masuk tertutup dan berkunci. Bagi kawasan bangunan pastikan pintu serta tingkap bangunan berkunci dan dalam keadaan yang baik. Pengawal juga perlu memastikan semua lampu didalam ruang pejabat ditutup pada waktu malam. Sila laporkan kepada pihak pengurusan jika terdapat lampu di ruang pejabat yang tidak ditutup.
- (b) Memastikan barangan elektrik seperti komputer, alat mencetak, penghawa dingin atau kipas angin ditutup sekiranya keperluan tidak lagi dikehendaki.
- (c) Memeriksa jika terdapat sebarang bunyi yang luar biasa dan memeriksa punca bunyian tersebut. Bunyi berkenaan mungkin menggambarkan percubaan masuk pekerja atau orang awam yang tidak dibenarkan, bunyi peralatan atau jentera yang rosak atau sebarang kemungkinan lain-lain masalah yang perlu diambil tindakan yang sewajarnya.
- (d) Memeriksa jika terdapat sebarang bau yang luar biasa dan melaporkan dengan segera jika sumbernya tidak diketahui. Bau yang demikian biasanya berpunca dari kebocoran gas atau lain-lain bau yang boleh menyebabkan kebakaran.

7. PERJANJIAN

- 7.1 JAIS berhak menamatkan kontrak bila-bila masa terhadap perkhidmatan yang gagal mematuhi perjanjian tanpa apa-apa tuntutan gantirugi.
- 7.2 Syarikat terikat dengan peruntukan-peruntukan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Pindaan 1986.
- 7.3 Perjanjian ini akan tamat secara serta merta sekiranya lesen untuk menjalankan urusan agensi persendirian tamat, tidak diperbaharui atau dibatalkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri.
- 7.4 Syarikat hendaklah mengemukakan senarai anggota Pengawal kepada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia untuk **tapisan keselamatan**.

kekurangan kakitangan disebabkan oleh ketidakhadiran atau cuti sakit atau cuti tahunan, Syarikat hendaklah mengambil tindakan serta-merta menyediakan pengganti sementara, untuk mencukupkan bilangan seperti yang dinyatakan di para 5.8.

8.2 Pengawal gantian hendaklah melaporkan diri kepada mana-mana pegawai yang menjalankan tugas bagi pihaknya tidak lewat daripada 1 jam daripada waktu dia bertugas bagi satu-satu syif. Kegagalan menyediakan pengganti menyebabkan potongan dibuat mengikut kadar bayaran kontrak bilangan pengawal dan masa.

9. **BAYARAN**

9.1 JAIS akan membuat bayaran bulanan kepada Syarikat setelah perkhidmatan kawalan keselamatan disempurnakan dengan memuaskan untuk bulan yang berkenaan.

10. **TAMBAHAN**

10.1 Pihak syarikat kawalan keselamatan hendaklah menyediakan peralatan yang sesuai digunakan pada waktu hujan seperti baju hujan, topi kalis hujan dan kasut kalis hujan untuk memudahkan pengawal keselamatan menjalankan tugas sekiranya hujan.

10.2 Menyediakan peralatan tambahan yang bersesuaian (sekiranya dikehendaki oleh Jabatan) seperti lampu suluh, baju ~~reflective~~ dan cota bagi kerja-kerja rondaan malam.

10.3 Jam (*watchman clock*) hendaklah disediakan bagi memastikan pematuhan waktu rondaan yang telah ditetapkan.

11. **KELUASAN KAWASAN KESELURUHAN**

Anggaran keluasan kawasan keseluruhan ialah 2.5 ekar.

JUMLAH BILIK DARJAH : **29 BILIK DARJAH**

BILANGAN BLOK : **5 BLOK**

PADANG : **ADA**

JUMLAH MURID : **1964**